

# Penggunaan Pleco Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin

**Lee Chai Chuen**

Akademi Pengajian Bahasa,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

[lcc76@kedah.uitm.edu.my](mailto:lcc76@kedah.uitm.edu.my)

**Nor Azrina Mohd Yusof**

Fakulti Perakaunan,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

[yina1437@kedah.uitm.edu.my](mailto:yina1437@kedah.uitm.edu.my)

## ABSTRAK

Keupayaan berkomunikasi dalam Bahasa Mandarin dengan efisien secara lisan dan bertulis oleh seorang graduan universiti adalah sangat penting dalam mendepani cabaran Industri 4.0 and *Internet of Things* (IoT). Namun demikian, mempelajari Bahasa Mandarin bukan suatu perkara yang mudah kepada para graduan Melayu yang tidak mempunyai asas Bahasa Mandarin. Ini kerana sebagai penutur bukan jati Bahasa Mandarin, mereka bukan sahaja perlu belajar bertutur dalam Bahasa Mandarin, malahan membaca dan menulis dengan menggunakan satu set karakter Cina yang berbeza dengan Bahasa Melayu. Hakikatnya, mempelajari Bahasa Mandarin merupakan satu cabaran besar terhadap pelajar yang langsung tidak mengenali atau memahami bahasa tersebut. Kajian awal ini bertujuan untuk memperkenalkan Kamus Cina *Pleco* dalam pengajaran Bahasa Mandarin di kalangan pelajar-pelajar Melayu UiTM. Kamus Cina *Pleco* ini merupakan produk Pleco Software Incorporated. Pleco mempunyai empat ciri istimewa seperti kamus luar talian, enjin pencarian asas yang mudah, pengecaman tulisan tangan dan pengecaman karakter optik, justeru itu penggunaan *Pleco* ini dijangka mampu dapat membantu memudahkan pembelajaran Bahasa Mandarin.

**Kata kunci:** Bahasa Mandarin, *Pleco*, penutur bukan jati.

## 1.0 PENGENALAN

Keupayaan berkomunikasi dalam Bahasa Mandarin dengan efisien secara lisan dan bertulis oleh seorang graduan universiti adalah sangat penting dalam mendepani cabaran Industri 4.0 and *Internet of Things* (IoT). Sejalan dengan penubuhan Zon Dagangan Bebas Digital (DFTZ) pada tahun 2017 yang telah dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Keenam, Dato Sri Najib Tun Razak dan Jack Ma, Pengarah dan Pengerusi Eksekutif Alibaba.com dari Negara China, tidak dapat dinafikan, kebolehan berbahasa Mandarin merupakan satu nilai tambah kepada graduan. Keupayaan bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dengan cekap juga telah menjadi satu kriteria utama untuk ditawarkan

peluang pekerjaan oleh para majikan berbangsa Cina yang berminat dengan perniagaan dalam DFTZ ini yang turut melibatkan pelabur-pelabur dari Negara. Zon Dagangan Bebas Digital yang menggabungkan zon fizikal dan maya serta penambahan perkhidmatan online dan digital ini telah menjadikan proses e-dagang antarabangsa boleh berlaku tanpa sempadan dan sekaligus menjadikan perbincangan boleh berlaku di mana-mana tempat tanpa mengira masa dan waktu berbanding dengan suatu ketika dulu yang memerlukan mesyuarat secara bersemuka. Justeru itu, ketidakupayaan dalam aspek berkomunikasi dalam Bahasa Mandarin tidak lagi boleh dijadikan sempadan kerana proses komunikasi merupakan tunjang utama dalam aktiviti seharian (Sulaiman, Mohd Salleh, & Azlina, 2010).

Namun demikian, mempelajari Bahasa Mandarin bukan suatu perkara yang mudah kepada para graduan Melayu yang tidak mempunyai asas Bahasa Mandarin. Ini kerana sebagai penutur bukan jati Bahasa Mandarin, mereka bukan sahaja perlu belajar bertutur dalam Bahasa Mandarin, malahan membaca dan menulis dengan menggunakan satu set karakter Cina yang berbeza dengan Bahasa Melayu. Di samping itu, penutur bukan jati juga perlu menguasai empat nada bahasa Mandarin dan memahami struktur Bahasa Mandarin yang berbeza daripada struktur Bahasa Melayu. Secara tidak langsung ini menyebabkan para pelajar sukar untuk mengingat dan menyebut nada sesuatu perkataan dengan betul, sukar untuk mengingat maksud kosa kata dan pola ayat serta karakter Cina yang telah dipelajari. Hakikatnya, mempelajari Bahasa Mandarin merupakan satu cabaran besar terhadap pelajar yang langsung tidak mengenali atau memahami bahasa tersebut.

Seiring dengan perkembangan bidang teknologi yang kian pesat, kini terdapat pelbagai aplikasi pembelajaran Bahasa Mandarin yang boleh dimuatturun secara percuma daripada *Google Play Store* atau *Apple Store* seperti Kamus Cina *Pleco* bagi membantu para pelajar penutur bukan jati mempelajari Bahasa Mandarin. Kamus Cina *Pleco* (*Pleco*) merupakan aplikasi kamus Bahasa Mandarin yang boleh menggunakan pinyin, tulisan tangan, karakter Cina atau maksud dalam Bahasa Inggeris dalam mencari kosa kata yang diinginkan. *Pleco* juga boleh digunakan untuk mempelajari frasa yang berbeza, karakter Cina, perkataan-perkataan Cina, mencipta kad imbasan, mengambil ujian dan meneroka pelbagai bahagian yang berlainan dalam Bahasa Mandarin. Justeru itu, aplikasi *Pleco* ini amat sesuai diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Melayu penutur bukan jati Bahasa Mandarin khususnya di kalangan pelajar-pelajar Melayu UiTM sebagai salah satu aplikasi dalam pembelajaran Bahasa Mandarin. Ini kerana kursus Bahasa Mandarin yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar UiTM memfokuskan kepada kemahiran bertutur dan mempelajari karakter Cina yang terhad.


## 2.0 PENGGUNAAN APLIKASI KAMUS MANDARIN PLECO DALAM PENGAJARAN BAHASA MANDARIN

Penggunaan aplikasi kamus Bahasa Mandarin yang boleh dimuatturun dari *Google Play Store* atau *Apple Store* telah menjadi pilihan dan semakin popular berbanding dengan penggunaan kamus tradisional. Hio (2014) bersetuju bahawa belajar Bahasa Mandarin menjadi lebih mudah dengan penggunaan aplikasi pembelajaran. Menurut beliau, walaupun mempunyai kekangan masa ketika di bilik kuliah, penggunaan aplikasi membolehkan pengajar menumpukan perhatian kepada semua pelajar dalam membetulkan kesilapan tulisan karakter Cina. Winestock and Jeong (2014) mendapati bahawa terdapat hampir 800 aplikasi kamus yang boleh dimuatturun daripada *Apple Store*, manakala *Google Play Store* pula hampir 2,000 aplikasi.

Selain itu, McLaren and Bettinson (2015) pula telah menganalisis kesan penggunaan e-teknologi terhadap pembelajaran Bahasa Cina oleh pelajar penutur bukan jati. Hasil tinjauan mereka mendapati bahawa pelajar penutur bukan jati menggunakan kemudahan e-teknologi dengan sepenuhnya, mempunyai persepsi yang positif terhadap kepentingan kegunaan alat e-teknologi dalam memudahkan pembelajaran Bahasa Cina mereka dan menggalakkan pembelajaran mereka. Manakala, Goh (2016) mendapati bahawa penggunaan *Pleco* dalam aktiviti kelas dapat membantu para pelajar beliau dalam mempelajari karakter Cina dengan bagus. Oleh yang demikian, *Pleco* amat sesuai diperkenalkan di kalangan pelajar-pelajar Melayu UiTM kerana mereka boleh menggunakan aplikasi *Pleco* ketika di dalam mahupun luar waktu kuliah bagi memantapkan kemahiran bertutur.

*Pleco* telah dibangunkan oleh *Pleco Software Incorporated* dan diperkenalkan pada tahun 2001. *Pleco* merupakan salah satu kamus elektronik yang paling lengkap boleh didapati secara percuma di *Google Play Store* (Android) atau *Apple Store* (iOS). Ikon *Pleco* berbentuk kotak dengan berwarna biru dan berlogokan huruf “魚” yang dibaca sebagai *yú* yang bermaksud ikan. Nama *Pleco* diambil daripada nama ikan shabu-shabu ataupun juga dikenali sebagai ikan bandaraya iaitu sejenis ikan pemakan alga dan lumut (Eric, 2016). *Pleco* paling sesuai disyorkan kepada mereka yang ingin dan sedang mempelajari Bahasa Mandarin tanpa mengira tahap dan juga kepada mereka yang ingin melancong ke China dan Taiwan. Manual panduan asas untuk penggunaan *Pleco* bagi pengguna iOS dan Android masing-masing boleh didapati daripada laman sesawang [pleco.com/ipmanual](http://pleco.com/ipmanual) dan [pleco.com/anmanual](http://pleco.com/anmanual). Rajah 1 menunjukkan aplikasi Kamus Mandarin *Pleco*.

Rajah 1 Aplikasi Kamus Mandarin *Pleco*



## 2.1 Ciri-Ciri Utama Pleco

Pleco mempunyai empat ciri utama yang menjadikan Pleco sebagai aplikasi yang sangat popular di kalangan pengguna iOS dan Android.


### 2.1.1 Kamus luar talian (Off-line dictionary)

*Pleco* merupakan sebuah aplikasi kamus luar talian. Ciri ini amat berguna kepada pelajar-pelajar kerana kebanyakan pelajar tidak mempunyai data internet bulanan dan hanya bergantung kepada Wi-Fi percuma yang terdapat di kampus dan di hostel. Ini akan memudahkan pelajar-pelajar untuk menggunakan *Pleco* di mana-mana tempat apabila mereka ingin mengetahui maksud sesuatu perkataan.

### 2.1.2. Enjin pencarian asas (Basic searches engine) yang mudah




*Pleco* sangat mudah digunakan. Di dalam enjin pencarian asas, pelajar-pelajar boleh mencari maksud sesuatu perkataan Cina tersebut dengan hanya menaip perkataan atau frasa Cina dalam *pinyin* iaitu huruf Rumi Bahasa Mandarin ataupun perkataan atau frasa dalam Bahasa Inggeris. Aplikasi pintar ini akan terus memaparkan makna perkataan atau frasa tersebut berdasarkan kedudukan makna perkataan yang paling biasa digunakan dan dicari oleh pengguna lain di kedudukan yang paling atas. Contohnya, pelajar ingin menterjemahkan perkataan Bahasa Inggeris 'good' kepada Bahasa Mandarin. Jadual 1 menunjukkan langkah-langkah dalam enjin pencarian asas Pleco yang mudah.

Jadual 1 Langkah-langkah dalam enjin pencarian asas *Pleco*

Langkah-Langkah	Paparan Skrin
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar hanya perlu menaip perkataan 'good' dalam bahagian enjin pencarian asas.</li> <li>• Skrin akan memaparkan maksud perkataan tersebut.</li> <li>• Pelajar boleh melihat penggunaan kata tersebut dari segi kata kerja, kata sifat, kata adverbs dan sebagainya bergantung kepada perkataan yang dicari.</li> <li>• Pelajar perlu memastikan ikon dalam kotak di hujung sebelah kanan atas berhuruf E yang bermaksud <i>English</i>.</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya pelajar ingin mencari maksud</li> </ul>	

perkataan Bahasa Mandarin dalam pinyin misalnya *hao* atau *hao3*, pelajar hanya perlu menukarkannya dengan menekan ikon E kepada C, yang bermaksud *Chinese*.

- Sekiranya pelajar ingin mencari maksud karakter Cina misalnya好, pelajar hanya perlu menaipkan karakter 好, maksud perkataan akan dipaparkan dalam skrin.




- Sekiranya pelajar klik pada karakter 好 di bahagian kata sifat, terdapat penerangan yang lebih jelas diberikan seperti pinyin untuk karakter Cina tersebut dan juga butang audio untuk mendengar cara sebutan.




- Pelajar juga boleh belajar cara menulis karakter Cina 好 mengikut urutan strok yang betul.



- Pelajar juga akan didedahkan dengan penggunaan perkataan yang terhasil dengan gabungan karakter tersebut.
- Contohnya, gabungan 好+ 吃 (hǎo + chī) akan membawa maksud sedap.




- Pelajar juga akan diberikan ayat untuk membantu mereka memahami penggunaan perkataan tersebut kerana perkataan dalam Bahasa Mandarin boleh membawa maksud yang berbeza mengikut situasi yang berbeza.
- Pelajar boleh klik pada butang audio untuk mendengar keseluruhan ayat sambil melihat pinyin yang turut disediakan di bawah setiap ayat.



### 2.1.3 Pengecaman tulisan tangan (*Handwriting recognizer*)

Ciri istimewa ini sangat berguna kepada pelajar- pelajar Melayu kerana mereka dapat berlatih menulis karakter Cina dengan sendiri pada bila-bila masa dan waktu. Contohnya, pelajar ingin mencari perkataan dalam akhbar, sari kata dalam filem atau buku teks, *Pleco* dapat mengecam tulisan tangan pelajar dengan hanya menulis karakter Cina tersebut pada bahagian input carian tulisan tangan di dalam enjin pencarian asas. Rajah 2 menunjukkan pengecaman tulisan tangan untuk karakter 鱼 bermaksud ikan. *Pleco* akan memberikan beberapa pilihan karakter yang dekat dengan tulisan tangan tersebut. Pelajar hanya perlu memilih karakter yang dimaksudkan. Justeru itu, ciri pengecaman tulisan tangan ini dapat digunakan oleh pelajar untuk mengukur kemampuan mereka dalam menulis hanzi.

Rajah 2 Pengecaman tulisan tangan




Ciri pengecaman tulisan tangan ini hanya percuma kepada pengguna Android sahaja. Namun demikian, pelajar-pelajar yang menggunakan perisian iOS masih boleh menggunakan ciri istimewa ini dengan menggunakan papan kekunci input tulisan tangan yang asal daripada iOS ataupun membuat bayaran tambahan untuk mendapatkan ciri istimewa ini. Tidak dapat dinafikan ciri pengecaman tulisan tangan ini amat berguna kepada pelajar dan juga pelancong yang ingin ke Negara China kerana mereka boleh menulis karakter Cina yang mereka tidak tahu.

#### 2.1.4 Pengecaman karakter Optik (Optical Character Recognizer)

Ciri istimewa yang keempat ialah Pleco mempunyai ciri pengecaman karakter optik (*Optical character recognizer*). Pelajar boleh mencari perkataan daripada imej, secara langsung dengan menggunakan kamera telefon bimbit dan daripada gambar ataupun fail berbentuk PDF. Ciri ini membolehkan pelajar-pelajar menggunakan kamera telefon bimbit dan mengimbasnya kepada karakter Cina. *Pleco* akan mengecam karakter-karakter tersebut melalui kamera dan memaparkannya pada skrin bersama dengan pinyin. Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar-pelajar hendak mengetahui makna perkataan tersebut, pelajar hendaklah memuat turun ciri tambahan tersebut dengan kadar bayaran sebanyak RM39.90. Rajah 3 menunjukkan paparan pengecaman karakter optik.

Rajah 3 Pengecaman karakter optik



## 2.2 Faedah *Pleco* dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin

Berdasarkan ciri-ciri istimewa yang terdapat dalam *Pleco*, tidak dapat disangkal bahawa *Pleco* dapat membantu pelajar-pelajar Melayu bukan penutur jati untuk belajar Bahasa Mandarin. Ini kerana dengan memperkenalkan *Pleco* dalam pengajaran Bahasa Mandarin, ianya dapat membantu pelajar untuk belajar sendiri Bahasa Mandarin mengikut keselesaan masa dan tempat. Tambahan pula di UiTM, pelajar-pelajar diploma akan mengikuti kelas Bahasa Mandarin selama 4 jam seminggu bagi tempoh 14 minggu.



Manakala bagi pelajar sarjana muda pula, mereka hanya berpeluang belajar selama 2 jam seminggu untuk tempoh yang sama. Justeru itu, penggunaan *Pleco* dalam pengajaran dapat membantu para pelajar untuk membuat ulangkaji dan latihan secara berulang. Seperti yang dinyatakan oleh De la Rouviere (2013), pembelajaran secara berulang sangat penting terutamanya dalam pembelajaran karakter Cina. Jadual 2 menyenaraikan antara faedah-faedah penggunaan *Pleco* dalam pembelajaran Bahasa Mandarin.

**Jadual 2** Antara faedah *Pleco* dalam pembelajaran Bahasa Mandarin

Akses	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar boleh mengakses <i>Pleco</i> pada bila-bila masa tanpa mengira waktu dan tempat walaupun tanpa kehadiran pensyarah.</li> <li>• <i>Pleco</i> boleh diakses walaupun tanpa capaian internet.</li> <li>• Pelajar boleh membuat latihan dan memeriksa latihan sendiri tanpa bergantung kepada tenaga pengajar.</li> </ul>
Sumber rujukan bergerak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar senang membuat rujukan pada bila-bila masa memandangkan <i>Pleco</i> dimuatturun dan disimpan dalam telefon pintar.</li> <li>• Mengurangkan beban pencarian kamus Bahasa Mandarin yang sesuai.</li> </ul>
Menarik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belajar menggunakan aplikasi adalah lebih menarik kerana ianya mempunyai ciri-ciri yang istimewa.</li> </ul>

### 3.0 KESIMPULAN

Kajian awal ini bertujuan untuk memperkenalkan Kamus Cina *Pleco* dalam pengajaran Bahasa Mandarin di kalangan pelajar-pelajar Melayu UiTM. *Pleco* boleh dimuatturun secara percuma daripada *Google Play Store* atau *Apple Store* dan digunakan dalam pembelajaran Bahasa Mandarin. *Pleco* mempunyai ciri-ciri istimewa seperti kamus luar talian, enjin pencarian asas yang mudah, pengecaman tulisan tangan dan pengecaman karakter optik, penggunaan *Pleco* ini dijangka mampu dapat membantu memudahkan pembelajaran Bahasa Mandarin. Tambahan pula, aplikasi kamus *Pleco* ini sangat mudah dan masih dapat digunakan walaupun pelajar-pelajar tidak membeli perisian tambahan. Kajian awal ini menyumbang kepada literatur teknologi kerana sehingga kini, kajian yang menggunakan *Pleco* dalam pembelajaran Bahasa Mandarin terutamanya dalam konteks Negara Malaysia adalah sangat terhad. Kajian masa depan dengan menggunakan tinjauan ataupun wawancara kumpulan pelajar amat diperlukan bagi mengesahkan dapatan penggunaan *Pleco* dalam pengajaran Bahasa Mandarin.

#### 4.0 RUJUKAN

- De La Rouviere, J. (2013). Chinese radicals in spaced repetition systems: A pilot study on the acquisition of Chinese characters by students learning Chinese as a foreign language. Stellenbosch University, Stellenbosch. South Africa.
- Eric, A. (2016). 5 aplikasi peningkat Bahasa Mandarin-mu dari Nol. Retrieved from [http://aprodtime.blogspot.com/2016/10/5-aplikasi-peningkat-bahasa-mandarin-mu\\_26.html](http://aprodtime.blogspot.com/2016/10/5-aplikasi-peningkat-bahasa-mandarin-mu_26.html)
- Goh, Y. S. (2016). Empirical study on the use of Pleco for improving Chinese character instruction: The perception of non-native learners of Chinese. *e-Academia Journal*, 5(2), 23-23.
- Hio, L. (2014). Easier to learn Chinese with apps: Digital tools and software take away focus on memory works, says don, *The Straits Time*.
- McLaren, A. E., & Bettinson, M. (2015). Impact of e-Technologies on Chinese literacy programs for College Second Language Learners. *Electronic Journal of Foreign Language Teaching*, 12(1), 101-114.
- Sulaiman, M. Y., Mohd Salleh, L., & Azlina, A. B. (2010). *Komunikasi dalam pengajaran dan kepimpinan pendidikan*. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Winestock, C., & Jeong, Y. (2014). An analysis of the smartphone dictionary app market. *Lexicography*, 1(1), 109-119.